



**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 2 (13)  
Tarikh : 15 November 2019

**Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak**

YBrs. Dr.,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 7 TAHUN 2019**

**PELAKSANAAN DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) SARAWAK MULAI TAHUN  
2020**

**TUJUAN**

Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan *Dual Language Programme (DLP)* Sarawak bermula dengan murid Tahun 1 di sekolah negeri Sarawak mulai tahun 2020.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 9 Tahun 2019 dan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bilangan 15 Tahun 2019 bertarikh 26 Jun 2019 bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Sarawak serta meluluskan pelaksanaan DLP Sarawak di sekolah negeri Sarawak mulai tahun 2020.

3. Pelaksanaan ini bagi menyokong Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP Sarawak bertujuan untuk membolehkan murid mengakses maklumat berkaitan bidang ilmu sains dan matematik melalui penguasaan bahasa Inggeris yang baik bagi memudahkan pembelajaran secara global seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (RI4.0). Pelaksanaan ini juga akan menyokong usaha kerajaan negeri Sarawak bagi mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

## **PELAKSANAAN**

...4. Pelaksanaan DLP Sarawak adalah berdasarkan garis panduan seperti dalam Lampiran 1 yang menjelaskan tentang tatacara pelaksanaan DLP Sarawak kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di negeri Sarawak.

5. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK(C) ) diberi pengecualian menyertai DLP Sarawak. Walau bagaimanapun, SJK(C) yang berminat menyertai DLP Sarawak boleh memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

7. YBrs. Dr. hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, pejabat pendidikan daerah dan sekolah di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)**

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
  3. YB Menteri  
Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- 7. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 8. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 9. Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pendidikan Malaysia**



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) SARAWAK* MULAI TAHUN 2020

#### 1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang tatacara pelaksanaan *Dual Language Programme (DLP)* Sarawak bermula dengan murid Tahun 1 di sekolah di negeri Sarawak mulai tahun 2020.

#### 2.0 Pendahuluan

2.1 DLP Sarawak merupakan satu program untuk sekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bahasa Inggeris sepenuhnya bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik.

2.2 Program ini dilaksanakan sebagai satu usaha merealisasikan hasrat kerajaan negeri Sarawak untuk memacu ekonomi negeri bagi mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan DLP Sarawak akan menyokong dan menyumbang kepada kejayaan strategi tersebut.

#### 3.0 Objektif

Pelaksanaan DLP Sarawak bertujuan untuk membolehkan murid mengakses maklumat berkaitan bidang ilmu sains dan matematik melalui penguasaan bahasa Inggeris yang baik bagi memudahkan pembelajaran secara global seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (RI4.0).

## **4.0 Takrifan Operasi**

Takrifan operasi yang dinyatakan di bawah hanya digunakan untuk tujuan pelaksanaan DLP Sarawak sahaja.

### **4.1 Sekolah yang melaksanakan DLP Sarawak**

Sekolah yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

### **4.2 Penetapan mata pelajaran bagi DLP Sarawak**

Mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh KPM.

## **5.0 Tatacara Pelaksanaan DLP Sarawak**

- 5.1 Pelaksanaan DLP Sarawak bermula dengan murid Tahun 1 mulai tahun 2020.
- 5.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK (C)) diberi pengecualian menyertai DLP Sarawak. Walau bagaimanapun SJK (C) yang berminat menyertai DLP Sarawak boleh memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.
- 5.3 Bagi murid yang mengikuti DLP sebelum tahun 2020, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2018: Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme (DLP)* Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai 2018 bertarikh 5 Oktober 2018
- 5.4 Program DLP Sarawak hendaklah diteruskan sehingga murid menamatkan persekolahan Tingkatan 5 di sekolah menengah.
- 5.5 Bahan yang digunakan untuk PdP adalah seperti yang berikut:
  - i. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran bidang sains dan matematik dalam bahasa Inggeris sedia ada yang telah dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK);

- ii. Buku teks dan buku aktiviti murid bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik dalam bahasa Inggeris sedia ada sebagai salah satu rujukan untuk penyediaan aktiviti pembelajaran murid; dan
  - iii. Templat Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah oleh BPK.
- 5.6 Peruntukan masa PdP mata pelajaran bidang sains dan matematik adalah seperti peruntukan masa yang ditetapkan dalam surat pekeliling ikhtisas yang sedang berkuat kuasa.
- 5.7 Pentaksiran dilaksanakan seperti yang berikut:
- i. pentaksiran bilik darjah bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik yang terlibat hendaklah disediakan dan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya;
  - ii. peperiksaan pusat iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik adalah berdasarkan ketetapan KPM; dan
  - iii. Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) hendaklah dilaksanakan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik.

## **6.0 Tugas dan tanggungjawab**

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat.

### **6.1 Jabatan Pendidikan Negeri**

Pengurusan DLP Sarawak di peringkat negeri adalah di bawah tanggungjawab Bidang Sains dan Matematik, Sektor Pembelajaran, JPN seperti yang berikut:

- i. menyediakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang pelaksanaan DLP Sarawak;
- ii. membimbing penyediaan perancangan jangka pendek dan jangka panjang pelaksanaan DLP Sarawak pada peringkat PPD dan sekolah;

- iii. memastikan guru mata pelajaran bidang sains dan matematik diberi latihan dan sokongan secara berterusan agar dapat melaksanakan PdP sepenuhnya dalam bahasa Inggeris;
- iv. memantau dan menilai pelaksanaan program untuk memastikan kepatuhan kepada garis panduan, perancangan jangka pendek dan jangka panjang agar DLP Sarawak mencapai objektif pelaksanaan;
- v. melaporkan status pelaksanaan program secara berkala kepada peneraju DLP KPM dan pengurusan tertinggi KPM;
- vi. memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan dapatan pemantauan;
- vii. mengadakan mesyuarat bagi menyelaras pelaksanaan DLP Sarawak secara berkala bersama dengan PPD atau sekolah;
- viii. memastikan bekalan buku teks dan buku aktiviti murid di negeri mencukupi;
- ix. memastikan penempatan semula guru di peringkat PPD dilaksanakan bagi membantu pelaksanaan DLP Sarawak di sekolah;

## 6.2 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Pengurusan DLP Sarawak di peringkat PPD adalah seperti yang berikut:

- i. membimbing penyediaan perancangan jangka pendek dan jangka panjang pelaksanaan DLP Sarawak pada peringkat sekolah;
- ii. membimbing dan menyokong guru mata pelajaran bidang sains dan matematik secara berterusan agar dapat melaksanakan PdP sepenuhnya dalam bahasa Inggeris;
- iii. membimbing sekolah untuk memastikan kepatuhan kepada garis panduan, perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan;
- iv. melaporkan status pelaksanaan program secara berkala kepada JPN;

- v. melaksanakan libat urus dengan pihak yang berkepentingan;
- vi. melaksanakan tindakan penambahbaikan berdasarkan laporan bimbingan;
- vii. memastikan bekalan buku teks dan buku aktiviti murid di daerah mencukupi; dan
- viii. melaksanakan penempatan semula guru yang mengajar mata pelajaran DLP Sarawak.

### **6.3 Pentadbir Sekolah**

Pentadbir sekolah hendaklah memastikan perkara seperti yang berikut dilaksanakan:

- i. memastikan pelaksanaan program DLP Sarawak berdasarkan garis panduan, perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan;
- ii. memastikan pengurusan DLP Sarawak di sekolah hendaklah diletakkan di bawah tanggungjawab Ketua Panitia Sains atau Ketua Panitia Matematik;
- iii. memastikan bekalan buku teks dan buku aktiviti murid serta sumber PdP mencukupi untuk kegunaan murid;
- iv. melaksanakan *Professional Learning Community* (PLC) dalam kalangan guru secara berterusan;
- v. melaksanakan intervensi selain kelas tambahan untuk memastikan pembelajaran murid dipertingkatkan;

### **6.4 Guru yang melaksanakan DLP Sarawak**

Guru yang mengajar mata pelajaran DLP Sarawak hendaklah:

- i. menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) mata pelajaran bidang sains dan matematik dalam bahasa Inggeris sepenuhnya;

- ii. melaksanakan PdP dan pentaksiran dalam bahasa Inggeris sepenuhnya; dan
- iii. melaksanakan intervensi yang bersesuaian untuk membantu murid mengikuti PdP mata pelajaran bidang sains dan/ atau matematik dalam bahasa Inggeris sepenuhnya.

## **7.0 Penutup**

Kejayaan DLP Sarawak bergantung kepada kerjasama dan kesungguhan semua pihak terlibat dalam memastikan kebolehlaksanaan dan kelestarian program ini pada peringkat sekolah.

**Kementerian Pendidikan Malaysia  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya**